

DAP akan guna Parlimen, bongkar "rahsia" syarikat konsesi AES
Malaysian Insider
Aug 21 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Terma dan syarat perjanjian konsesi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) tidak akan didedahkan oleh Kementerian Pengangkutan atas alasan ia merupakan dokumen sulit dan rahsia, kata Ahli Parlimen DAP Segambut Lim Lip Eng.

Beliau berkata jumlah bayaran, terma dan syarat perjanjian kepada dua syarikat konsesi AES iaitu ATES Sdn Bhd dan Betap Tegap Sdn Bhd harus didedahkan kepada umum sambil menyifatkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak lagi berkesan.

"Saya akan membawa isu ini ke sidang Dewan Rakyat yang akan datang bagi mendedahkan kepada umum tentang 'rahsia' dan apa yang telah diperolehi oleh dua syarikat konsesi ini," katanya dalam satu sidang media di Ibu Pejabat DAP hari ini.

Kementerian Pengangkutan memaklumkan pendakwaan kes AES masih ditangguhkan selaras dengan keputusan kerajaan untuk mengkaji dengan teliti pelaksanaan AES.

"Penangguhan pendakwaan kes ini tidak menjejaskan pelaksanaan AES dan notis kepada orang yang melakukan kesalahan trafik dibuat mengikut peruntukan undang-undang.

"Sehingga Jun 2013, sebanyak 673,339 saman telah dikeluarkan melibatkan 628,045 kesalahan memandu melebihi had laju dan 45,294 tidak mematuhi lampu isyarat merah. Jumlah kutipan kompaun bagi tempoh sama sebanyak RM20,020,500.

"Sebanyak 1,079 kamera AES masih belum dipasang di seluruh negara dan Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) sedang mengenalpasti kawasan kerap berlaku kemalangan," menurut kenyataan kementerian itu yang memaklumkan kini sebanyak 14 kamera sedang beroperasi.

Media melaporkan baru-baru ini Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengesahkan status AES kekal sehingga perbincangan pelbagai sudut mengenainya selesai,

Beliau berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Ekonomi hari ini yang dipengerusikan Perdana Menteri membabitkan pucuk pimpinan agensi lain termasuk pihak kewangan dan Bank Negara.

"Ini cara kita, kami nak ia dibuat secara inklusif, biarlah telus supaya orang tahu apa matlamat kita, kita mahu pastikan orang ramai selamat di jalan raya," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di Wisma Felcra di Kuala Lumpur.

Hishammuddin berkata, isu yang sentiasa menjadi perbualan hangat rakyat Malaysia itu bukan isu mudah diselesaikan, namun beliau memberi jaminan setiap keputusan akan diputuskan secara adil untuk semua pihak. – 21 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-akan-guna-parlimen-bongkar-rahsi>

[a-syarikat-konsesi-aes](#)